

Kompetensi Guru Bukan Opsyen Sejarah dalam Pengajaran Subjek Sejarah (Competency of Non-History option Teacher in Teaching History Subject)

Ngan Ping Ping^{1*}, Anuar Ahmad¹, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p117406@siswa.ukm.edu.my

Received: 3 February 2024 | Accepted: 18 April 2024 | Published: 30 April 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.45>

Abstrak: Kekurangan guru dalam bidang tertentu menyebabkan wujudnya guru bukan opsyen yang mengajar subjek di luar bidang pengkhususan mereka. Guru bukan opsyen menghadapi pelbagai cabaran dan sering dipersalahkan apabila pencapaian murid dalam subjek yang diajar kurang memberangsangkan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapat maklumat tentang objektif kajian. Seramai 103 orang guru bukan opsyen Sejarah telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif untuk mendapat frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data juga dianalisis secara inferensi bagi mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi manakala kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran berada pada tahap tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah. Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak yang berkaitan dalam usaha meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah supaya mencapai tahap yang boleh setanding dengan guru opsyen Sejarah.

Kata Kunci: Kompetensi, Guru Bukan Opsyen Sejarah, Pengajaran Subjek Sejarah

Abstract: The shortage of teachers in specific fields leads to the presence of non-option teachers who teach subjects out of their expertise. Non-option teachers face various challenges and are often blamed when their students' achievements are less satisfactory. This study was conducted to identify the competency of non-History option teachers in terms of knowledge and skills in teaching History subjects. This study is in a quantitative study and using a survey method to gather information about the research objectives. A total of 103 non-History option teachers were randomly selected as respondents in this study. The instrument used in this study is a questionnaire form. The data was analyzed descriptively to obtain frequencies, percentages, means, and standard deviations. The data was also analyzed inferentially to identify the relationship between knowledge and skills of non-History option teachers in teaching History subjects. The results of the study showed that the competency of non-History

option teachers in terms of knowledge in teaching History subjects are at a moderately high level, while their competency in terms of skills in teaching are at a high level. The study also found a significant relationship between knowledge and skills of non-History option teachers in teaching History subjects. The results of this study are hoped to serve as a guide for various relevant parties in efforts to further enhance the knowledge and skills of non-History option teachers, enabling them to reach a level comparable to History option teachers.

Keywords: Competency, Non-History Option Teacher, Teaching History Subject

1. Pendahuluan

Guru merupakan orang yang bertanggungjawab melahirkan murid yang berkualiti tinggi menerusi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan. Oleh itu, guru perlu mempunyai kompetensi yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka. Kompetensi guru yang tinggi akan mendorong mereka menjalankan tugas dengan cekap, baik dan efisien (Danijela, 2018). Guru yang memiliki kompetensi tinggi juga selalunya menguasai kandungan subjek, menguasai kemahiran pedagogi dan kemahiran berkomunikasi serta mempunyai sikap yang positif (Kanupriya, 2017; Hasnah & Jamaludin, 2017). Seperti yang diketahui, terdapat dua kumpulan guru di sekolah, iaitu “guru opsyen” dan “guru bukan opsyen”. “Guru opsyen” ialah kumpulan guru yang mengajar subjek mengikut kelayakan ikhtisas manakala “guru bukan opsyen” merupakan guru yang mengajar subjek di luar bidang kelayakan ikhtisas (Janimah, 2011). Kewujudan guru bukan opsyen disebabkan oleh kekurangan guru dalam bidang seperti Sejarah, Geografi, Sains dan sebagainya berlaku di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, Turki, Jerman, Australia, Korea dan Afrika Selatan (Anna, Robyn & Annemaree, 2014). Kewujudan guru bukan opsyen disebabkan oleh kekurangan guru dalam bidang tertentu juga berlaku di Malaysia. Kekurangan guru yang menyebabkan guru mengajar subjek di luar kelayakan ikhtisas akan menyebabkan guru tersebut menghadapi masalah semasa menyampaikan pengajaran (Richard, 2011).

Subjek Sejarah merupakan antara subjek yang mengalami kekurangan guru di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Subjek Sejarah mulai diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 2014 dan dijadikan sebagai satu subjek teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang wajib dipelajari oleh murid tahun 4 hingga tahun 6 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Matlamat KSSR Sejarah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan Sejarah, memahami perkembangan sejarah tanah air dan memiliki kesedaran sejarah serta meningkatkan semangat cinta akan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Untuk mencapai matlamat KSSR Sejarah yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peranan yang dimainkan oleh guru Sejarah amatlah penting. Guru bukan opsyen Sejarah perlu membuat persediaan yang mencukupi dari aspek pengetahuan dan kemahiran sebelum menyampaikan pengajaran.

2. Pernyataan Masalah

Pada realitinya, guru sepatutnya mengajar subjek berdasarkan kelayakan ikhtisas. Hal ini demikian kerana guru mempunyai kebolehan dan kecekapan dalam bidang yang diceburi oleh mereka (Osman, 2016). Namun, terdapat banyak guru di sekolah yang mengajar subjek yang tidak berkaitan dengan kelayakan ikhtisas mereka. Hal ini disebabkan oleh kekurangan guru dalam bidang tertentu. Seperti yang dikatakan oleh bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Dato Radzi Jidin, terdapat lima subjek mengalami kekurangan guru iaitu Sejarah, Teknologi

Maklumat dan Komunikasi, bahasa Inggeris, pendidikan agama Islam dan pendidikan khas (Utusan Malaysia, 2021). Daripada pernyataan tersebut, kekurangan guru subjek Sejarah juga berlaku di sekolah-sekolah. Selain itu, terdapat guru bukan opsyen yang mengajar subjek Sejarah di sekolah.

Keberkesanan PdP amat bergantung kepada tahap pengetahuan dan kemahiran guru sama ada guru opsyen ataupun guru bukan opsyen (Dicken & Tajul Arifin, 2017). Guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang mendalam dan luas tentang subjek yang diajar bagi memastikan ilmu yang disampaikan tepat dan dapat diterima oleh murid dengan baik (Magdeline & Zamri, 2016). Selain itu, guru juga seharusnya mempersiapkan diri dengan kemahiran dan kepakaran bagi memastikan PdP yang dijalankan lebih berkesan (Siti Salwa, 2014).

Kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran dari aspek pengetahuan dan kemahiran amat penting dalam meningkatkan proses pemahaman murid terhadap fakta Sejarah dan mengubah tanggapan bahawa “Sejarah merupakan subjek yang membosankan” (Samsudin & Shahizan, 2013). Kompetensi guru bukan opsyen Sejarah diharap dapat meningkatkan pencapaian murid dalam subjek Sejarah kerana subjek Sejarah penting dipelajari dan merupakan antara subjek yang wajib lulus dalam SPM (Mohamad Fadzil & Abdul Jaleel, 2013). Namun, guru bukan opsyen dikatakan mengalami banyak kesukaran apabila mengajar subjek di luar pengkhususan. Dari aspek pengetahuan, guru bukan opsyen dilihat terbeban dengan penguasaan kandungan ilmu dengan baik (Noor Shamsinar et al., 2018). Dari aspek kemahiran pula, guru bukan opsyen menghadapi masalah dalam mempelbagaikan pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan subjek yang diajar (Kam, Chan, Hin & Yung, 2018). Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru bukan opsyen dari aspek pengetahuan dan kemahiran menyebabkan guru bukan opsyen sering dipersalahkan apabila pencapaian murid dalam subjek yang diajar kurang memberangsangkan (Nur Ezzati & Zamri, 2023). Sebenarnya, tahap pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen dapat ditingkatkan sehingga mencapai tahap yang hampir sama dengan guru opsyen jika guru bukan opsyen berusaha menjalani pembelajaran secara berterusan (Magdelline & Zamri, 2016). Oleh itu, guru bukan opsyen Sejarah tidak semestinya merupakan penyebab kepada pencapaian murid yang kurang memberangsangkan. Rentetan daripada isu yang dinyatakan di atas, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian bagi:

- i. Mengetahui tahap kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah.
- ii. Mengetahui tahap kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah.
- iii. Mengetahui hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah.

3. Sorotan Literatur

Kompetensi guru dalam Pengajaran Sejarah

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membentuk asas untuk menguasai situasi tertentu (Kunter, 2013). Kompetensi yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap amat diperlukan oleh seseorang untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan berkesan (Mohd Sani et al., 2015). Kompetensi guru dalam melaksanakan tugas amat penting kerana guru perlu memastikan ilmu yang disampaikan dalam PdP bermakna, menarik minat dan dapat diingati oleh murid. Guru yang berkemampuan adalah guru yang berkualiti dan dapat memberi sumbangan dalam sistem pendidikan negara (Jones & Harris, 2010).

Seperti yang diketahui, subjek Sejarah memerlukan murid mengingat fakta Sejarah yang padat seperti tarikh, tokoh, peristiwa dan sebagainya. Hal ini menyebabkan guru Sejarah pada masa kini lebih cenderung untuk menjalankan PdP yang lebih berpusatkan guru dan menggunakan buku teks Sejarah sebagai bahan bantu mengajar (BBM) sahaja. Kaedah pengajaran guru ini telah menyebabkan murid menganggap subjek Sejarah sukar dipelajari (Ahmad & Nelson, 2015). Untuk menggubal tanggapan murid terhadap subjek Sejarah, guru perlu meningkatkan kompetensi diri dalam menyampaikan isi pelajaran dan menerapkan kemahiran pemikiran sejarah ketika PdP (Kaviza, 2019). Guru juga perlu sentiasa bersedia mengubah pendekatan pengajaran yang digunakan dalam PdP supaya sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini (Nor Amalina & Zanaton, 2018). Kompetensi dan kebijaksanaan guru dalam menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dalam PdP secara langsungnya dapat meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap subjek Sejarah. Pencapaian dan minat murid terhadap subjek Sejarah amat penting kerana subjek Sejarah merupakan subjek teras yang wajib lulus pada peringkat SPM (KPM, 2013).

Seterusnya, dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi guru, KPM telah memperkenalkan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) bagi mewujudkan persekitaran bekerja secara kolaboratif. Melalui PLC, guru digalakkan untuk berkongsi dan berbincang isu yang dihadapi semasa PdP serta berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional mereka (Aziah et al., 2015). Melalui PLC, guru opsyen Sejarah juga boleh berkongsi pengetahuan dan kemahiran menjalankan PdP dengan berkesan kepada guru bukan opsyen Sejarah agar kompetensi guru bukan opsyen dapat ditingkatkan (Louis & Seashore, 2014).

Guru bukan opsyen Sejarah

Seseorang yang layak digelar guru adalah seseorang yang telah memperoleh kelayakan ikhtisas pendidikan. Mereka telah dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 serta dapat mengaplikasikannya dalam PdP (Nurlina et al., 2022). Setiap guru mempunyai opsyen yang tersendiri. Guru yang mengajar subjek yang tidak berkaitan dengan bidang pengkhususan mereka dikenali sebagai guru bukan opsyen (Roslan, 2014).

Seseorang guru sama ada mempunyai pengkhususan opsyen atau tidak dengan subjek yang diajar perlu mempunyai kemahiran dalam memilih kaedah dan pendekatan pengajaran yang berbeza-beza. Kemahiran atau kebolehan ini mampu merangsang pemikiran dan dapat menarik minat murid untuk mengikut PdP (Osman, 2016). Ini jelas terbukti apabila terdapat kenyataan dalam akhbar Sinar Harian (2014) yang bertajuk ‘Guru punca murid tak minat sejarah?’. Kenyataan ini ada menyatakan bahawa salah satu faktor murid tidak minat Sejarah adalah subjek Sejarah diajar oleh guru bukan opsyen Sejarah. Selain itu, akhbar Sinar Harian (2014) juga menyatakan bahawa kebanyakan guru bukan opsyen yang mengajar subjek Sejarah merupakan guru pengkhususan Sains kerana terdapat lebihan guru dalam bidang tersebut. Terdapat guru yang pengkhususan lain seperti Matematik, bahasa Melayu dan sebagainya mengajar subjek Sejarah kerana kekurangan guru Sejarah di sekolah (Janimah, 2011). Di samping itu, terdapat juga pihak pentadbir sekolah yang meminta guru subjek lain dan guru baharu untuk mengajar mata Sejarah dengan tujuan untuk melengkapkan jadual waktu mengajar supaya bilangan waktu mengajar mengikut ketetapan pekeliling (Chong, 2000).

Guru bukan opsyen Sejarah biasanya akan menghadapi cabaran dalam menentukan pendekatan pengajaran kerana guru bukan opsyen kurang terdedah dengan kurikulum subjek yang diajarnya (Haslina et al., 2017). Guru bukan opsyen Sejarah juga tidak biasa dalam menggalakkan pemikiran kritis murid dan sering mengehadkan penglibatan murid dalam PdP (Lisa, 2014).

Subjek Sejarah mempunyai banyak fakta Sejarah yang perlu dihafal oleh murid. Hal ini menyebabkan murid mempunyai tanggapan bahawa subjek Sejarah merupakan satu subjek yang amat membosankan (Maarof et al., 2020). Tambahan pula, amalan pengajaran guru yang masih menggunakan pendekatan tradisional dan menggunakan buku teks sebagai BBM utama dalam PdP Sejarah turut menyebabkan murid menganggap subjek sejarah tidak penting untuk dipelajari (Lezah & Talin, 2018). Tanggapan negatif murid terhadap subjek Sejarah ini akan mempengaruhi pencapaian murid dalam subjek Sejarah.

Guru bukan opsyen Sejarah sering dipersalahkan apabila tahap penguasaan dan pencapaian murid dalam subjek Sejarah kurang memberangsangkan. Pelbagai pihak sering mempersalahkan guru bukan opsyen kerana mereka dikatakan tidak mempunyai asas pengetahuan yang lengkap dari aspek isi kandungan pembelajaran dan kaedah pengajaran bagi subjek di luar pengkhususan mereka. Kekurangan asas pengetahuan bagi subjek di luar pengkhususan menyebabkan penyampaian isi kandungan pembelajaran oleh seseorang guru bukan opsyen kurang berkesan. Hal ini secara langsungnya akan mempengaruhi pencapaian murid dalam subjek yang diajar (Noor Shamsinar et al., 2017).

4. Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapat maklumat tentang objektif kajian. Lokasi kajian ini ialah daerah Pontian, Johor. Pengkaji memilih daerah Pontian sebagai lokasi kajian kerana kebanyakan sekolah rendah di daerah ini mempunyai bilangan guru dan murid yang sedikit. Bilangan guru yang sedikit di sekolah menyebabkan seseorang guru itu terpaksa mengajar subjek di luar pengkhususan (Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, 2021).

Kajian ini hanya melibatkan 103 orang guru bukan opsyen Sejarah dengan jumlah populasi sebanyak 140 orang guru bukan opsyen Sejarah berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan 1970. Guru bukan opsyen Sejarah dalam kajian ini dipilih secara rawak mudah dari 20 buah sekolah rendah daerah Pontian, Johor.

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapat maklumat tentang kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah di sekolah rendah ialah borang soal selidik. Borang soal selidik kajian ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian A dalam borang soal selidik ini mengandungi 4 item, iaitu jantina, umur, bangsa dan pengalaman mengajar. Bahagian B mengandungi 10 item yang berkaitan dengan kompetensi guru opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah. Item-item dalam bahagian ini diadaptasi dan diubahsuai berpandukan kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Razak & Mohd. Mahzan (2018) dan Hafizati Husna & Suziyani (2021). Bahagian C pula mengandungi 10 item yang berkaitan dengan kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran Sejarah. Item-item dalam bahagian ini diadaptasi dan diubahsuai berpandukan kajian yang dilaksanakan oleh Nur E'zzati & Zamri (2023) dan Anuar & Nelson (2015). Borang soal selidik yang dihasilkan menggunakan skala likert lima mata, iaitu skala satu hingga lima (5=Sangat Setuju, 4=Setuju, 3=Kurang Setuju, 2=Tidak Setuju dan 1=Sangat Tidak Setuju).

Pengesahan instrumen soal selidik ini dirujuk kepada dua orang pakar dalam bidang Sejarah bagi menentukan kesesuaian item dalam borang soal selidik. Seorang pakar dalam bidang Sejarah merupakan pensyarah dari fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seorang lagi pakar merupakan pensyarah dari fakulti pendidikan, Universiti Sains Malaysia

(USM). Daripada 20 item yang diberikan, 17 item atau 85% item telah dipersetujui oleh pakar. Selain itu, kajian rintis telah dilaksanakan kepada 30 orang guru bukan opsyen Sejarah dari daerah Johor lain yang mempunyai latar belakang demografi yang hampir sama dengan sampel kajian sebenar. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa kesahan bagi instrumen kajian ini adalah tinggi (indek pekali = 0.76). Hal ini bermakna instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini sesuai. Selain itu, untuk menentukan kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik, nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap subkonstruk telah dikira. Nilai *Cronbach Alpha* bagi item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi adalah 0.65 dan ke atas (Chua, 2011). Dalam kajian ini, nilai *Cronbach Alpha* bagi item kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran adalah 0.701. Nilai *Cronbach Alpha* bagi item kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran pula adalah 0.720. Oleh itu, kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik adalah tinggi.

Pengkaji menggunakan perisian SPSS Versi 26.0 untuk menganalisis data yang diperolehi. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapat frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menghuraikan objektif kajian pertama dan kedua. Untuk menentukan tahap min, skala min yang dibangunkan oleh Nurul Hidayah & Norasmah (2021) seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah digunakan.

Jadual 1: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap Min
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana rendah
1.00 - 2.00	Rendah

Sumber: Nurul Hidayah & Norasmah (2021)

Seterusnya, penganalisan data diteruskan dengan analisis inferensi bagi menjawab objektif kajian yang ketiga. Dalam kajian ini, korelasi *Pearson* digunakan untuk menganalisis hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah.

5. Hasil Kajian

Demografi Kajian

Seramai 103 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jadual 2 yang ditunjukkan di bawah merupakan maklumat latar belakang responden. Dalam kajian ini, terdapat 33 orang bersamaan dengan 32% responden merupakan responden lelaki manakala bilangan responden perempuan adalah 70 orang bersamaan dengan 68%. Dari segi etnik, terdapat 30 orang bersamaan dengan 68% responden adalah etnik Melayu. Bilangan responden etnik Cina pula adalah 66 orang bersamaan dengan 4.1% dan bilangan responden kaum India pula adalah 7 orang bersamaan dengan 6.8%.

Dari segi umur, terdapat 38 orang bersamaan dengan 36.9% responden berumur antara 25 hingga 30 tahun. Bilangan responden yang berumur antara 31 hingga 35 tahun adalah 23 orang bersamaan dengan 22.3% dan bilangan responden yang berumur antara 36 hingga 40 tahun adalah 18 orang bersamaan dengan 17.5%. Bilangan responden yang berumur 41 hingga 45 tahun adalah 9 orang bersamaan dengan 8.7%. Terdapat 11 orang bersamaan dengan 10.7% responden berumur antara 46 hingga 50 tahun. Bilangan responden yang berumur 51 tahun ke atas paling kecil iaitu 4 orang bersamaan dengan 3.9%.

Dari segi pengalaman mengajar Sejarah, terdapat 25 orang bersamaan dengan 24.3% responden mempunyai 1 tahun pengalaman mengajar Sejarah. Bilangan responden yang mempunyai 2 tahun dan 3 tahun pengalaman mengajar Sejarah adalah 34 orang bersamaan dengan 33.0% dan 21 orang bersamaan dengan 20.4% masing-masing. Bilangan responden yang mempunyai 4 tahun pengalaman mengajar Sejarah adalah 7 orang bersamaan dengan 6.8%. Bilangan responden yang mempunyai 5 tahun pengalaman mengajar Sejarah adalah 10 orang bersamaan dengan 9.7%. Bilangan responden yang mempunyai 6 tahun ke atas pengalaman mengajar Sejarah pula adalah 6 orang bersamaan dengan 5.8%.

Jadual 2: Maklumat latar belakang responden

Demografi		Frekuensi n=100	Peratus %
Jantina	Lelaki	33	32.0
	Perempuan	70	68.0
Etnik	Melayu	30	29.1
	Cina	66	64.1
	India	7	6.8
	Lain-lain	0	0
	Umur	25-30	38
Pengalaman mengajar Sejarah	31-35	23	22.3
	36-40	18	17.5
	41-45	9	8.7
	46-50	11	10.7
	51 ke atas	4	3.9
	1 tahun	25	24.3
	2 tahun	34	33.0
3 tahun	21	20.4	
4 tahun	7	6.8	
5 tahun	10	9.7	
6 tahun ke atas	6	5.8	

Tahap kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah

Berdasarkan data yang diperoleh daripada responden, keseluruhan analisis menunjukkan kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min sebanyak 3.92 dan sisihan piawai sebanyak 0.55. Jadual 3 menunjukkan peratusan setuju item B6, B7 dan B10 sahaja yang melebihi 80 peratus. Item B7 menunjukkan peratusan setuju yang paling tinggi berbanding item yang lain di mana 'Saya dapat menggunakan perkataan-perkataan yang mudah difahami oleh murid semasa mengajar Sejarah' dengan peratusan sebanyak 96.2 peratus (S=68.0 peratus dan SS=28.2 peratus) (Jadual 3). Guru dapat menggunakan perkataan-perkataan yang mudah difahami oleh murid kerana kosa kata yang dikuasai oleh guru banyak. Selain itu, guru biasanya akan menggunakan bahasa ibunda untuk menerangkan isi pelajaran supaya murid lebih memahaminya. Kajian yang dilaksanakan oleh Hajimia et al. (2020) menyatakan bahawa guru akan menggunakan perkataan mudah dalam kelas dan kadangkala akan menggunakan bahasa ibunda bagi menerangkan isi atau kandungan yang kurang difahami oleh murid. Item B6 menunjukkan peratusan setuju yang kedua tertinggi dengan peratusan sebanyak 91.2 peratus (S=65.0 peratus dan SS=26.2 peratus) (Jadual 3). Item B10 menunjukkan peratusan setuju sebanyak 89.3 peratus (S=66.0 peratus dan SS=23.3 peratus) (Jadual 3).

Item B2 mempunyai peratusan setuju yang paling rendah di mana 'Saya dapat mengeluarkan pelbagai contoh semasa PdP Sejarah' dengan peratusan setuju sebanyak 55.3 peratus ($S=35.9$ peratus dan $SS=19.4$ peratus) (Jadual 3). Guru bukan opsyen Sejarah tidak mudah mengeluarkan pelbagai contoh semasa PdP Sejarah kerana Sejarah bukan bidang iktisasa mereka dan mereka kurang pendedahan terhadap peristiwa-peristiwa Sejarah yang boleh dijadikan contoh. Kajian yang dilaksanakan oleh Ahla-Wardah dan Denise (2022) menyatakan bahawa guru bukan opsyen kurang pengetahuan dalam mengeluarkan pelbagai contoh dalam PdP Sejarah kerana mereka kekurangan latihan dan subjek Sejarah bukan bidang iktisasa mereka.

Jadual 3: Pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran

Item	Pernyataan	STS Bil	%	TS Bil	%	KS Bil	%	S Bil	%	SS Bil	%
B1	Saya telah menguasai kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah dan dapat menyampaikan kepada murid dengan baik	0	0	4	3.9	19	18.4	58	56.3	22	21.4
B2	Saya dapat mengeluarkan pelbagai contoh semasa PdP Sejarah	0	0	3	2.9	43	41.7	37	35.9	20	19.4
B3	Saya dapat memberi penerangan yang sangat jelas semasa mengajar Sejarah	0	0	4	3.9	31	30.9	54	52.4	14	13.6
B4	Saya dapat menghubungkan beberapa peristiwa Sejarah yang dipelajari	0	0	4	3.9	23	22.3	61	59.2	15	14.6
B5	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh murid dalam PdP Sejarah	0	0	1	1.0	28	27.2	58	56.3	16	15.5
B6	Saya dapat menentukan objektif pembelajaran yang sesuai untuk PdP Sejarah	0	0	3	2.9	6	5.8	67	65.0	27	26.2
B7	Saya dapat menggunakan perkataan-perkataan yang mudah difahami oleh murid semasa mengajar Sejarah	0	0	4	3.9	0	0	70	68.0	29	28.2
B8	Saya dapat menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan tahap kognitif murid	0	0	2	1.9	26	25.2	59	57.3	16	15.5
B9	Saya dapat menjalankan PdP Sejarah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	0	0	4	3.9	30	29.1	52	50.5	17	16.5
B10	Saya tidak bergantung kepada buku teks sepenuhnya semasa PdP Sejarah	0	0	1	1.0	10	9.7	68	66.0	24	23.3

Nota: Purata Min= 3.92; Sisihan Piawai=0.55; Tahap=Sederhana tinggi

Tahap kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah

Berdasarkan data yang diperoleh daripada responden, keseluruhan analisis menunjukkan kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran berada pada tahap tinggi dengan purata min sebanyak 4.01 dan sisihan piawai sebanyak 0.44. Jadual 4 menunjukkan peratusan setuju bagi lapan item, iaitu item C3, C4, C5, C6, C7, C8, C9 dan C10 melebihi 80 peratus. Item C3 menunjukkan peratusan setuju yang paling tinggi berbanding item yang lain di mana 'Saya mahir dalam menggunakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar semasa PdP Sejarah' dengan peratusan sebanyak 90.3 peratus ($S=64.1$ peratus dan $SS=26.2$

peratus) (Jadual 4). Guru bukan opsyen Sejarah telah mahir dalam menggunakan pelbagai jenis BBM kerana telah didedahkan dan dipelajari semasa belajar di institusi pengajian tinggi. Guru-guru di institusi pengajian tinggi telah mempelajari cara penggunaan pelbagai jenis BBM bagi menyediakan murid menghadapi pembelajaran abad ke-21 (Maria et al., 2014). Item C7 dan C10 menunjukkan peratusan setuju yang sama, iaitu sebanyak 87.4 peratus. Namun, peratusan responden yang sangat setuju dengan item 10 ($S=59.2$ peratus dan $SS=28.2$) (Jadual 4) lebih tinggi berbanding dengan item C7 ($S=68.0$ peratus dan $SS=17.4$ peratus) (Jadual 4). Kebanyakan guru bukan opsyen Sejarah sangat setuju dengan item C10, iaitu 'Saya mahir dalam mengajar murid cara menjawab soalan KBAT Sejarah' kerana KBAT telah lama diperkenalkan dan sudah menjadi satu kemahiran yang biasanya diterapkan oleh guru dalam kelas. Namun, kajian Ong, Hart dan Chen (2016) menyatakan bahawa guru masih tidak mahir dalam menggunakan strategi dan pendekatan yang mampu merangsang murid untuk berfikir aras tinggi.

Item C1 mempunyai peratusan setuju yang paling rendah di mana 'Saya mahir dalam menentukan pendekatan dan teknik yang sesuai digunakan dalam PdP Sejarah' dengan peratusan setuju sebanyak 69.0 peratus ($S=51.5$ peratus dan $SS=17.5$ peratus) (Jadual 4). Peratusan setuju item C1 lebih rendah berbanding item lain kerana guru bukan opsyen Sejarah tidak pernah menjalani latihan khusus tentang penggunaan pendekatan dan teknik yang sesuai dalam PdP Sejarah. Richard (2011) menyatakan bahawa apabila guru bukan opsyen disuruh mengajar subjek yang tiada latihan asas, mereka akan menghadapi masalah sepanjang proses PdP.

Jadual 4: Kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran

Item	Pernyataan	STS Bil	%	TS Bil	%	KS Bil	%	S Bil	%	SS Bil	%
C1	Saya mahir dalam menentukan pendekatan dan teknik yang sesuai digunakan dalam PdP Sejarah	0	0	1	1.0	31	30.1	53	51.5	18	17.5
C2	Saya mahir dalam membimbing murid melaksanakan aktiviti PdP Sejarah	0	0	2	1.9	28	27.2	51	49.5	22	21.4
C3	Saya mahir dalam menggunakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar semasa PdP Sejarah	0	0	2	1.9	8	7.8	66	64.1	27	26.2
C4	Saya mahir dalam mengajar murid menghasilkan peta I-think tentang fakta-fakta Sejarah	0	0	1	1.0	11	10.7	64	62.1	27	26.2
C5	Saya mahir dalam mewujudkan suasana PdP Sejarah yang menyeronokkan	0	0	3	2.9	15	14.6	62	60.2	23	22.3
C6	Saya mahir dalam membina soalan yang dapat menguji tahap penguasaan murid	0	0	0	0	17	16.5	68	66.0	18	17.5
C7	Saya mahir dalam merancang masa bagi aktiviti PdP Sejarah	0	0	2	1.9	11	10.7	70	68.0	20	19.4
C8	Saya mahir dalam membimbing murid yang tidak mencapai objektif pembelajaran	0	0	9	8.7	8	7.8	41	39.8	45	43.7
C9	Saya mahir dalam menggunakan format penilaian yang khusus bagi menilai kefahaman murid tentang isi pelajaran	0	0	6	5.8	14	13.6	58	56.3	25	24.3
C10	Saya mahir dalam mengajar murid cara menjawab soalan KBAT Sejarah	0	0	10	9.7	3	2.9	61	59.2	29	28.2

Nota: Purata Min= 4.01; Sisihan Piawai=0.44; Tahap=Tinggi

Hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah

Pengkaji telah menggunakan Ujian Korelasi Pearson untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah.

H01: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah

Ujian Korelasi Pearson menunjukkan nilai korelasi Pearson antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah adalah signifikan ($r = 0.803^{**}$, $p = 0.001$). Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi antara min pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah. Maka, hipotesis H01 yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah gagal ditolak. Perkara ini menerangkan bahawa apabila pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah meningkat, maka kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran Sejarah juga meningkat.

Jadual 5: Ujian Korelasi Pearson antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah

Pemboleh ubah	Nilai Pekali Korelasi
Pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah	$r = 0.803^{**}$
Kemahiran guru bukan opsyen Sejarah	Sig = 0.001
	$n = 103$

6. Perbincangan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah. Hasil kajian mendapati bahawa kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah belum mencapai tahap yang boleh setanding dengan guru opsyen Sejarah. Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian Siti Salwa et al. (2016) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen masih mempunyai perbezaan jika dibandingkan dengan guru opsyen walaupun guru bukan opsyen mempunyai persepsi yang tinggi terhadap subjek yang diajar. Hal ini demikian kerana guru bukan opsyen menghadapi masalah dalam menguasai beberapa subtopik dalam subjek yang diajar. Namun, kajian yang dilaksanakan oleh Mohamad Safwandi (2014) menunjukkan bahawa guru opsyen Matematik dan guru bukan opsyen Matematik mempunyai tahap pengetahuan yang hampir sama kerana guru bukan opsyen Matematik telah berusaha menguasai isi kandungan subjek Matematik. Kajian yang dilaksanakan oleh Banu dan Mu'azam (2018) pula menyatakan bahawa semangat dan usaha guru bukan opsyen dalam mengambil inisiatif untuk menambah pengetahuan dalam subjek yang diajar akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Jadi, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah juga bergantung kepada kesediaan dan usaha guru bukan opsyen Sejarah dalam menguasai isi kandungan pelajaran Sejarah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna kebanyakan guru bukan opsyen Sejarah telah menguasai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar subjek

Sejarah di peringkat sekolah rendah. Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian Mohamed Faizul et al. (2021) yang menyatakan bahawa tahap kemahiran guru bukan opsyen pendidikan Jasmani berada pada tahap yang tinggi dan kemahiran yang dimiliki membolehkan guru bukan opsyen pendidikan Jasmani menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Namun, hasil kajian ini bertentangan dengan hasil kajian Nur Athirah (2017) yang mendapati bahawa guru bukan opsyen bahasa Melayu kurang berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran dan mereka keliru terhadap pendekatan yang digunakan dalam PdP. Menurut Nashrah et al. (2015), latihan yang sesuai dapat meningkat kemahiran guru bukan opsyen dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan. Perkara ini disokong oleh hasil kajian Suhartika dan Rosadah (2020) yang menyatakan bahawa kemahiran guru bukan opsyen Pendidikan Khas meningkat setelah mengikuti latihan berkaitan pendidikan khas. Jadi, kemahiran guru bukan opsyen dalam pengajaran dapat ditingkatkan dengan mengikuti latihan yang berkaitan dengan subjek yang diajar.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah. Jadi, pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran merupakan dua unsur saling berkait rapat dan perlu dimiliki oleh guru bukan opsyen Sejarah. Guru bukan opsyen perlu berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan PdP dijalankan dengan lancar dan berkesan. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen amat penting dalam menghasilkan PdP yang berkualiti (Dicken dan Tajul Arifin, 2017).

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membincangkan kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran subjek Sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi manakala kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran berada pada tahap tinggi. Oleh itu, guru bukan opsyen Sejarah perlu berusaha meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran.

Implikasi kajian ini ialah guru bukan opsyen Sejarah digalakkan supaya bersikap proaktif dan berusaha menguasai isi kandungan subjek yang diajar. Guru bukan opsyen Sejarah juga perlu sentiasa menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan dalam PdP Sejarah.

Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak yang berkaitan dalam usaha meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah supaya mencapai tahap yang boleh setanding dengan guru opsyen Sejarah. Kajian lanjutan tentang cara-cara meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah boleh dilaksanakan. Kajian lanjutan yang dilakukan dapat membantu pihak yang berkaitan mengenal pasti cara yang paling berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

Rujukan

- Ahla, W. M. A., & Denise, K. C. L. (2022). Persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 145-159.
- Amalina, A. H., & Zanaton, I. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. Seminar Antarabangsa Isu Pendidikan (ISPEN 2018), 72-82. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Anna, E. D. P., Annemaree, C., & Robyn, M. G. (2014). The meaning of out-of-field teaching for educational leadership. *International Journal of Leadership in Education*, 3(2), 81-95.
- Anuar, A., & Nelson, J. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum dan Pendidikan Asia Pasifik*, 3(2), 35-42.
- Aziah, I., Yen, L. H., & Kanesan, A. G. (2015). Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 1-12.
- Banu, R., & Muazam, M. (2018). Kompetensi guru luar bidang terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam bilik darjah. *Proceedings of International Conference on the Future of Education IconFed*, 4(2), 33-38.
- Danijela, M. (2018). The teacher's role and professional development. *International Journal of Cognitive Research in Science Engineering and Education*, 6(2), 33-45.
- Dicken, K., & Arifin, T. M. (2017). Cabaran pengajaran subjek Pendidikan Jasmani di sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 2 (2), 53-65.
- Ezzati, R., & Zamri, M. (2023). Tahap kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap guru-guru bukan opsyen bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 11-24.
- Hafizati, H. I., Suziyani, M. (2021). Kompetensi guru-guru bukan opsyen dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 377-385.
- Hajimia, H., Singh, M. K. S., & Chethiyar, S. D. M., & Vedamanikam, M. (2020). Second language acquisition: Krashen's monitor model and the natural approach. *International Journal of Social Sciences*, 6(3), 87-99.
- Hasnah, I., & Jamaludin, B. (2016). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 7(1): 56-65.
- Hidayah, N., & Norasmah, O. (2021). Sikap keusahawanan dan pencapaian prestasi subjek perniagaan murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4), 252- 264.
- Janimah, S. (2011). Persepsi guru Sejarah terhadap kesan latihan ikhtisas dari aspek kemahiran pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar dan pengetahuan. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jones, M., & Harris, A. (2010). Professional learning communities and system improvement. *Sage Journals*, 13(2), 172-181.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan penerapan elemen kemahiran Pemikiran Sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 30-38.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad (PNB).
- Kunter. (2013). Professional competence of teachers: Effects on instructional quality and student development. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 805-820.

- Lezah, L., & Talin, R. (2018). Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 137–145.
- Lisa, Y. S. (2014). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru Sejarah menerapkan kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 13(2), 45-52.
- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. (2020). Itrack dalam PdP Sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83-97.
- Magdeline, N., & Zamri, M. (2014). Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37–49.
- Magdeline, A. N., & Zamri, M. (2016). Pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maria, C. A., Samsilah R., & Tajularipin, S. (2014). Strategi pengajaran pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean Council Journal*, 8(3), 101-115.
- Mohamad, F. C. A. & Abdul, J. A. H. (2013). Menilai keberkesanan pelaksanaan program diploma perguruan lepas Ijazah Pendidikan Sejarah sekolah rendah di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*, 214-225.
- Nurlina, N., & Aditya, H. P. K. P. (2022). The symmetrical and asymmetrical relationship of Technology Acceptance Model (TAM) on consumer emotional value, and service innovation in supporting consumer purchase decisions. *International Journal Of Artificial Intelligence Research*, 6 (1), 68-75.
- Osman, M. (2016). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen Sejarah serta hubungannya dengan sikap pelajar. Tesis Sarjana. Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Richards, J. C. (2011). Exploring teacher competence in language teaching. *Language Teacher*, 35(4), 84-96.
- Samsudin, M., & Shahrudin, S. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah di Malaysia (The learning and teaching of History in Malaysian schools). *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 39(2), 36-39.
- Shamshinar, Z., Abdul, R. Z., Ahmad, Z., Rushdan, A., Hasmadi, H., & Redzaudin, G. (2017). Kompetensi guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 1(2), 234-254.
- Siti, S. A.M., Rasidayanty, S., Zainordin, R., & Jamil, A. B. (2016). Pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah rendah di Batu Pahat. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(2), 153-162.
- Suhartika, K. & Rosadah, A. M. (2020). Tahap pengetahuan dan kemahiran dan tahap latihan guru Pendidikan Khas dalam pengajaran Pendidikan Khas. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.